



PRESS RELEASE

MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS, MALAYSIA

FOR IMMEDIATE RELEASE

STATE VISIT BY THE PRESIDENT OF THE REPUBLIC OF SINGAPORE, HER EXCELLENCY HALIMAH YACOB TO MALAYSIA, 20 – 22 MARCH 2023

The President of the Republic of Singapore, Her Excellency Halimah Yacob will undertake a State Visit to Malaysia from 20 – 22 March 2023. This will be the first State Visit to Malaysia by the President of the Republic of Singapore since 2013.

President Halimah will be accompanied by her spouse, Mr. Mohamed Abdullah Alhabsee. The delegation will comprise of Minister in Prime Minister's Office and Second Minister for Education and Foreign Affairs, Dr. Mohamad Maliki Bin Osman; Minister of State for Trade and Industry, Ms. Low Yen Ling and senior officials of the Government of Singapore.

President Halimah will be received in a State Welcoming Ceremony at Istana Negara by His Majesty Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah on 21 March 2023. Subsequently, President Halimah will have an audience with His Majesty Seri Paduka Baginda the Yang di-Pertuan Agong followed by a State Banquet in honour of President Halimah and her delegation.

During the visit, President Halimah is also scheduled to receive a Courtesy Call from the Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim where both leaders are expected to exchange views on bilateral, regional and international issues of mutual interest.

This visit would further strengthen the longstanding ties and multifaceted cooperation between the two countries. In 2022, Singapore was Malaysia's 2nd largest global trading partner and the largest among ASEAN countries, with total trade amounting to RM367.53 billion (USD83.53 billion), an increase of 29.4 percent, compared to the recorded value in 2021.

PUTRAJAYA
19 March 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Precinct 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Email: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

LAWATAN NEGARA PYT HALIMAH YACOB, PRESIDEN REPUBLIK SINGAPURA KE MALAYSIA, 20 – 22 MAC 2023

Puan Yang Terutama Halimah Yacob, Presiden Republik Singapura akan mengadakan Lawatan Negara ke Malaysia pada 20 – 22 Mac 2023. Lawatan ini merupakan Lawatan Negara pertama Presiden Republik Singapura ke Malaysia sejak tahun 2013.

Presiden Halimah akan diiringi oleh suami beliau, En. Mohamed Abdullah Alhabsee. Delegasi Presiden Halimah juga akan disertai oleh Dr. Mohamad Maliki Bin Osman, Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan Menteri Kedua Pendidikan dan Luar Negeri; Cik Low Yen Ling, Menteri Negara bagi Perdagangan dan Industri serta para pegawai dari Kerajaan Republik Singapura.

Presiden Halimah akan diberikan Sambutan Negara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di Istana Negara pada 21 Mac 2023. Sejurus itu, Presiden Halimah dijadualkan untuk mengadakan Kunjungan Mengadap ke atas KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, disusuli dengan satu Majlis Santapan Negara bagi meraikan Presiden Halimah dan delegasi.

Selepas majlis tersebut, Presiden Halimah dijadualkan menerima Kunjungan Hormat oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Kedua-dua pemimpin tersebut dijangka akan membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Lawatan Rasmi ini akan mengukuhkan lagi hubungan baik dan kerjasama pelbagai bidang di antara kedua-dua negara. Pada tahun 2022, Singapura merupakan rakan dagangan kedua terbesar Malaysia dan terbesar dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN dengan jumlah perdagangan berjumlah RM367.53 bilion (USD83.53 bilion), dengan peningkatan sebanyak 29.4 peratus berbanding jumlah dagangan pada 2021.

PUTRAJAYA
19 Mac 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Email: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my